(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang di utamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Talib Zain al-Abidin, District Office, Lawas Sarawak, bertanya : Apa hukumnya sembahyang orang yang tidak disertai dengan "khusyuk" dari mula sembahyang hingga akhirnya? Dan juga bagaimana cara atau jalannya menguasai hati supaya ingatan dan fikiran tidak terbabas kesan ke mari?

Jawab : Sembahyang yang tidak disertai dengan khusyuk adalah haram dan sia-sia jua amalnya itu. Orang-orang yang sembahyang hal keadaannya lali dan tidak tetap hati, akan menerima azab yang sepedih-pedihnya di akhirat kelak, dengan dalil firman Allah Ta'āla di dalam surah "al-Māun" ertinya :

"Maka azablah bagi orang-orang yang sembahyang iaitu mereka yang lali daripada sembahyangnya." 4-5.

Ada pun tentang bagaimana jalan atau cara menguasai hati supaya ingatan tidak bersimpang siur kesan ke mari maka jalannya ialah demikian : bulatkan fikiran dan ingatan kepada bacaan sembahyang satu persatu – dari mula mengangkat takbiratul al-Iḥrām sehingga memberi salam – menungkan maknanya dengan hati yang tenang, kerana makin kita mengetahui makna apa yang kita baca itu makin kita bertambah khusyuk.

Jangan terburu-buru mengerjakannya biarlah dengan tertib. Itulah sebabnya kita tertuntut mempelajari syarat, rukun dan sunat-sunat sembahyang dengan sempurna, demikian juga segala bacaan mesti di pelajari maknanya.

*

Husin Bin Sadiq, P.S., Nambur Kulai, Johor bertanya : Apa hukum seseorang memakai baju berwarna warni seperti berupa surat khabar itu?

Jawab : Warna warni di dalam pakaian itu tidak ada perintah yang menentukannya atau menegahnya. Yang dikehendaki di dalam pakaian itu ialah menutup aurat yang ditentukan oleh syarak.

*

Safandi Bin Faal, Pondok Parit Medan, Kundang, Gersik, Pancur, Muar bertanya : Adakah Abu al-Mohktar itu nama yang sebenar atau nama gelaran sahaja? Jika nama gelaran siapakah namanya yang sebenar dan apa bangsanya?

Jawab : Kita percaya bahawa yang dikehendaki berkenaan nama Abu al-Mohktar itu ialah Abu al-Mokhtar Ketua Lajnah yang menjawab soal jawab di dalam ruangan ini. Jika benar tekaan kita itu maka jawabnya ialah Abu al-Mokhtar itu ialah nama samaran daripada seorang yang suka membuat khidmat dengan tidak mahu menyebutkan namanya yang sebenar. Di dalam pekerjaannya ia mengetuai Lajnah yang menjawab berbagai-bagai masalah yang dihantar di dalam ruangan seribu satu masalah ini dan semboyan yang di pakainya ialah "dengar apa yang di katakannya, jangan dipandang siapa yang mengatakannya" yakni sekiranya perkataan Abu al-Mokhtar dengan Lajnahnya itu benar dan beralasan dengan alasan-alasan yang sahih pakailah dan gunakanlah dan ia tidak memaksa tiap-tiap orang mengikut faham dan pendapatannya. Mereka hanya menerangkan apa yang mereka dapat menerangkan dengan mencari punca-punca dan sandaran-sandaran yang sah.

*

Nik Hasan Bin Nik Hasin, Kampung Laut, Kota Bahru, Kelantan, bertanya : Adakah komunis sekalian bangsa di dunia ini berjuang kerana tujuan yang satu dan dasar yang sama?

Jawab : Tujuan dan dasar perjuangan komunis bagi tiap-tiap bangsa itu di dunia ini pada umumnya sama - meletakkan kekuasaan kepada rakyat dan mengambil hak-hak kebebasan dan tabii perseorangan dijadikan hak bersama dan hak negara. Sekiranya seseorang ada mempunyai harta dan kekayaan maka harta itu akan dirampas dari orang itu. Walaupun harta itu diperoleh dengan tenaga dan usahanya sendiri. Harta itu akan diserahkan kepada negara dan negaralah yang akan membahagikan harta dan fasak itu kepada umum dan dengan kerana itu maka seseorang itu tidak ada hak pada dirinya lagi – inilah yang berjalan sekarang di tempat-tempat mereka itu.

Tentang cara-cara menjalankan cita-cita itu di dalam negeri-negeri yang masih terjajah maka caranya mereka itu menjalankan pekerjaannya berlainan daripada yang lazim di jalankan oleh mereka di dalam pemerintahan negara komunis. Mereka terpaksa pada satu-satu masa berdamping dengan pihak kebangsaan dan rakyat jelata menunjukkan keburukan-keburukan yang terjadi di dalam pemerintahan itu supaya pemerintahan di dalam negeri itu jatuh dan kemudian mereka akan mengambil kuasa di dalam pemerintahan negeri itu. Demikian juga di dalam negeri yang umatnya masih banyak Islam maka kadang-kadang mereka menghampiri rakyat itu menggunakan cogan-cogan agama dan pekerjaan-pekerjaan sebagai orang-orang yang taat menjalankan agama bagi menarik perhatian rakyat yang tidak berpengetahuan tentang cara-cara mereka itu. Di Indonesia umpamanya dikatakan telah pernah berlaku suatu kejadian yang mengatakan seorang telah datang ke rumah al-Amin (seorang komunis Indonesia yang terkenal) kemudian ia bertanya al-Amin maka isterinya menjawab : "al-Amin sedang sembahyang" – sama ada ia sembahyang atau tidak, tidaklah diketahui. Tetapi cara yang demikian itu ia akan dapat mempengaruhi orang Islam dan membuktikan bahawa pengajaran komunis itu tidak bersalahan dengan pengajaran Islam.

Cara dan kaedah yang demikian ini tidak dapat di mungkiri ialah kaedah dakyah untuk menarik orang menjadi pengikut-pengikut mereka, dan dengan sebab itulah jika orang tidak cukup faham tentang perjalanan komunis itu ia akan mudah dipengaruhi supaya mempersetujui segala gerak langkahnya pada hal sebenarnya yang demikian itu hanya sebagai umpan untuk memikat orang menjadi pengikutnya.

Sudah tetap pengajaran Islam berlainan dan berlawanan dengan dasar-dasar mereka. Islam membenarkan hak seseorang, yakni membenarkan seseorang itu berusaha dan berikhtiar untuk mencari kelebihan di bumi Allah ini dengan syarat apabila kelebihan dan kemewahan itu didapati, ia tidak boleh melupakan kedudukan dan hal ehwal saudara-saudaranya yang miskin ada banyak lagi perbezaan-perbezaan sama ada tentang ketuhanan dan sebagainya berkenaan ini – yang demikian ini dapat tuan cari dan bertanya lebih jauh kepada orang-orang yang cukup faham di dalam hal ini.

*

Abdul Jalil Haji Solah, Kampung Peniruk, Pontian, Johor bertanya : Orang yang telah mati sebelum menunaikan rukun Islam yang kelima (fardu haji) kemudian ditunaikan oleh ahli warisnya yang hidup adakah sah hajinya?

Jawab : Di dalam keterangan yang akan kita beri di sini akan di nyatakan bolehkah kita mengerjakan baginya dan adakah pahala itu akan sampai kepadanya. Diriwayatkan (maksudnya) seorang perempuan daripada puak Khath'am berkata: Ya Rasulullah, ayah saya telah sampai kewajipannya mengerjakan haji pada masa ia telah tua, dan ia tidak sanggup mengandarai untanya – jawab Rasulullah : "Kalau demikian engkau kerjakan haji ganti daripadanya" – hadis sahih riwayat Bukhārī dan Muslim.

Diriwayatkan lagi (maksudnya) : seorang perempuan daripada kaum Jahinah telah bertanya kepada Rasulullah (SAW): Ibu saya telah bernazar akan naik haji – ia tidak mengerjakan haji hingga ia meninggal dunia : adakah boleh hamba hajikan ganti daripadanya? Jawab Nabi : Hajikanlah!

Kalau ibu ada berhutang tidakkah engkau akan bayar? Bayarlah kerana hak Allah itu lebih patut di bayar. (hadis Sahih riwayat Bukhari).

Hadis yang pertama membenarkan seorang anak menggantikan haji ayahnya yang masih hidup tetapi tak sanggup mengerjakan haji; dan hadis yang kedua anak diperintahkan memberikan nazar haji ibunya sebagai hutang yang mesti diberi kerana ia hak Allah.

Kedua-dua riwayat hadis ini daripada hadis Sahih tetapi adakah pekerjaan itu akan didapati pahala oleh orang yang dikerjakan untuknya haji itu? Soal ini terbit kerana ada ayat-ayat al-Quran yang mengatakan : "Pada hari (kiamat) ini tidak seseorang akan dianiayai walau sedikit pun. Dan tidak akan dibalas ke atas kamu melainkan apa yang kamu kerjakan" – (maksud al-Quran surah Yāsīn 54).

Satu ayat lagi (maksudnya) : Bahawa manusia tidak akan mendapat (balasan) melainkan (daripada) apa yang telah diusahakannya" – (al-Najm 39).

Jadi kedua-dua hadis yang tersebut di atas adalah berlawanan dengan ayat yang tersebut dan mengikut kaedah ahli al-Hadis maka syarat hadis sahih hendaklah tidak berlawanan dengan ayat al-Quran. Hadis yang tersebut itu mengikut faham kita berlawanan dengan beberapa ayat al-Quran dan mengikut faham ahli al-Hadis, hadis itu tidak kuat, hanya ia sahih mengikut sendinya tidak sahih isinya dan tidak sah mengikut maknanya.

*

Osman Taib, Lorong 3, Bakar Batu Alor Setar, bertanya : Adakah dilarang oleh ajaran agama apabila seorang pemuda dan pemudi menghubungkan tali persahabatan dengan cara jujur sebagaimana yang kita dapati di dalam majalah-majalah Melayu yang sekarang dikhaskan suatu ruangan kerananya?

Jawab : Membuka ruangan untuk perkenalan itu adalah mengikut suatu cara yang dilakukan oleh akhbar-akhbar atau majalah-majalah di barat. Tuan akan dapat berkenalan juga di antara perempuan-perempuan di serata dunia ini dengan mengadakan perhubungan surat menyurat. Pada mulanya surat menyurat itu diperkatakan tentang perkara am dan kemudian menceritakan hal ehwal diri masing-masing lalu seterusnya berhantar-berhantaran gambar yakni untuk mengenalkan wajah masing-masing di dalam surat itu sementara di antara keduanya belum dapat berjumpa muka atau berhadapan-berhadapan bagi mengukuhkan kandungan di dalam surat menyurat tadi.

Tidak syak di dalam surat menyurat itu masing-masing pihak menumpahkan perasaan hatinya dan kita berani mengatakan berterus terang hal yang demikian itu berlaku sekurang-kurangnya sebahagian besar kerana begitulah keadaan tabiat kejadian orang-orang kita terutamanya apabila kita lebih terdidik dengan didikan cara barat apa lagi kalau sudah terdidik dengan cara yang dianjurkan oleh *social club*.

Oleh kerana telah terdidik dengan didikan barat dan ghairah masing-masing telah tinggi dengan kerana "kebijaksanaan" tulis menulis surat itu timbullah ikhtiar mencari satu jalan terutamanya apabila keadaan tempat berdekatan maka mereka pun mengadakan pertemuan, yang mana sudah tetap melanggar hukum-hukum yang telah ditentukan oleh syarak dan sebab itulah kita berpendapatan, mengikut kaedah syarak, jalan yang membawa kepada sesuatu tegahan yang jelas daripada agama itu hukumnya haram.

*

Mansur Bin Mat, Sungai Terap, Selama, Perak, bertanya : Sahkah atau tidak mandi hadas besar pada hal rambut kita berminyak?

Jawab : Sah ada beberapa hadis yang menerangkan untuk perempuan diluluskan mandi dengan tidak membuka sanggul dengan menyiram di atasnya tiga kali.

*

Abu Bakar, Group Malayan Airways Limited, Ipoh

bertanya : Tuan Jacob Malik, wakil Rusia di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu adakah ia seorang Islam atau tidak kerana kalau diikut kaedah namanya harus ia seorang Islam?

Jawab : Ia bukan Islam. Nama Jacob Malik atau Yaakob Malik sebagaimana tulisan di dalam akhbar-akhbar Melayu itu tidak tertentu sebagai nama orang Islam kerana orang Yahudi pun lazim juga menggunakan nama Yaakob, Ishak, al-Nias dan seumpamanya yang diambil daripada nama Nabi-nabi Bani Israel. Kerana ia wakil dari sebuah negara yang meniadakan Tuhan maka kita percaya sifatnya sama seperti sifat orang-orang komunis iaitu orang yang tak percayakan adanya Tuhan (bukan Islam) dan keturunannya kita yakin harus daripada keturunan asalnya daripada orang-orang Yahudi jika tuan hendak mengetahui lebih jelas lagi bacalah riwayat hidupnya dalam "Qalam" bilangan 4, bulan November 1950.

*

Muhammad Adib Bin Ahmad, Kampung Nibong, Kirup Sekolah Melayu, Cica, Pasir Emas, Kota Bahru, Kelantan, bertanya : Mengapakah orang-orang kita mengubah kelaziman sesudah haji tidak memakai serban lalu menukar kepada bersongkok. Kain sarung bertukar dengan seluar, bergondol dengan berambut panjang?

Jawab : Mereka itu harus telah dapat memaham bahawa tujuan mereka pergi haji itu bukanlah kerana membeli serban, dan bukanlah kerana membeli nama haji. Oleh kerana pekerjaan haji itu ialah suatu kewajipan yang difardukan kepada tiap-tiap orang muslim yang sanggup mengerjakannya dan kesanggupan itu tidak mesti ditunjukkan kepada kepada umat yakni telah menunaikan kewajipannya atas sebab takut menjadi riak. Kita lebih di mana-mana pada masa ini banyak orang yang telah menunaikan fardu haji, sepulangnya daripada menunaikan fardu haji itu tidak menambah namanya pada awal dan akhir namanya ; demikian juga mereka tidak mengubah pakaiannya yang ada kerana pakaian hanya sebagai menutup aurat jua.

*

Yusuf Bin Haji Arshad, Kampung Tengah, Negeri Sembilan bertanya : Jika seseorang telah kehilangan barang – kemudian dia pergi "bertenung" kepada dukun, maka dukun itu boleh menampakkan yang barang itu boleh dapat balik atau sudah jauh perginya. Bolehkah "bertenung" itu?

Jawab : "Sesiapa yang datang kepada tukang tilik bertanya sesuatu perkara lalu ia percaya akan dia maka tidaklah akan diterima sembahyangnya empat puluh hari" maksud hadis sahih riwayat Muslim.

Dengan hadis ini maka terang terbuatan yang sedemikian itu wajib bagi orang-orang kita menjauhinya.

*

Muhammad Daud Tahri Bin Tahar, Padang Bambang, Kota Bahru, Kelantan, bertanya : Apakah hikmah Tuhan memfardukan puasa pada tiap-tiap bulan Ramadhan walhal beberapa banyak bulan yang lebih mulia daripada bulan Ramadhan umpamanya Rabiul Awal Rejab dan lain-lainnya?

Jawab : Tuhan telah mewajibkan kita puasa pada bulan Ramadhan iaitu bulan yang diturunkan al-Quran di dalamnya. Apa hikmahnya dan bagaimana keadaannya hanya Tuhan yang mengetahui. Tetapi bagi kita di dalam menunaikan fardhu ibadat itu kita mesti mengerjakan kalau ada perintah di dalamnya yang disandarkan kepada al-Quran dan al-Hadis. Kita tidak boleh menambah dan mengurangi apa-apa yang telah diperintahkan itu dan kita tidak boleh mencampurkan di dalam ibadat itu falsafah-falsafah dan fikiran kerana falsafah dan fikiran itu hanya pendapatan daripada kita. Sekiranya ibadat itu boleh dicampurkan dengan falsafah maka agama itu akan rosak kerana ada sesuatu perintah itu yang tidak munasabah pada akal dan sebab itu jika tuan menunaikan kewajipan dan tanggungan tuan itu, tunaikanlah dengan tak payah tuan mencari bagaimana hikmah dan faedah-faedahnya supaya keikhlasan tuan itu tetap di dalamnya.

(sambungan dari muka 8)

berkenaan dengan parti itu, ia telah membayangkan cita-citanya dan kebimbangannya sendiri. Ia telah menampak pilihan raya yang dituntut oleh UMNO supaya diadakan di dalam tahun 1954 itu tidak menjamin kedudukan menteri-menteri besar yang ada sekarang ini dan langkahan bagi mengekalkan kedudukan mereka itu ialah dengan menghalangkan pilihan raya. Kehendak ini telah boleh dinampak daripada ketetapan yang telah dibuat oleh UMNO Perak yang di bawah pimpinannya itu. Bagi dibawa ke dalam persidangan agung UMNO di Melaka iaitu menuntut supaya pilihan raya persekutuan itu diadakan di dalam tempoh lima tahun, pada hal telah diketahuinya Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Yang di–Pertua UMNO sendiri telah mengisytiharkan kehendak UMNO kepada pilihan raya persekutuan itu ialah di dalam tahun 1954. Tahun hadapan.

Bagaimanapun sandiwara yang dimainkan oleh Datuk Bukit Gantang sedang diperhatikan oleh pegawai-pegawai tinggi UMNO dan ahli-ahli UMNO amnya. Akhirnya Datuk Gantang telah diberhentikan daripada menjadi ahli UMNO dan perbuatan memberhentikannya itu disambut oleh orang ramai yang tahu halnya, dengan gembira, kecuali sedikit bilangan dari Perak barang kali pengekor-pengekor Datuk Gantang itu.

Datuk Onn Di Balik Tabir?

Sesungguhnya nama Datuk Onn tiada tersebut di dalam gerakan menteri-menteri besar dan orang 16 itu akan tetapi, orang ramai tahu juga bahawa Datuk Onn ada di belakangnya. Ada faham setengah-setengah menteri besar itu yang mulanya enggan hendak menyertai gerakan itu khabarnya telah didesak oleh Datuk Onn.

Datuk Onn telah mencuba menubuhkan parti Kemerdekaan Melayu dengan harapan hendak menarik segala bangsa menyokong kemahuan dan pergerakannya tetapi telah kecewa. Datuk Onn sendiri sedar bahawa dengan namanya sendiri ia tiada lagi dapat hendak memperolehi sokongan ramai setelah kepercayaan orang ramai tidak ada lagi kepadanya. Ia sekarang terpaksa mengambil sikap berdiri di balik tabir.

Datuk Onn sendiri mencuba hendak mendirikan suatu bangsa Malayan dan menghapuskan perasaan perkauman. Akan tetapi apabila di dapati UMNO dan MCA sedang berbaik-baik dan membawa kepada menghapuskan perasaan perkauman itu, ia telah memburuk-burukkan perhubungan itu dan baharu-baharu ini telah membidas MCA dengan kata-kata yang tiada dijangka boleh terbit sepertinya dari seorang yang berketanggungan sepertinya itu. Samada perbuatannya itu sengaja dimaksudkan bagi membangkitkan kebencian di antara orang-orang Melayu dan orang-orang Cina atau pun bagi mendapatkan sokongan orang-orang Melayu kepada partinya (I.M.P.) itu, adalah serupa sahaja akibatnya iaitu menggalakkan pecah belah pada hal itulah nampaknya polisi British – memecah belah dan memerintah. Begitu juga helah kerajaan British tidak hendak memerdekakan negeri ini atas sebab yang di katakan

Tiga orang wakil Johor baharu kelihatan dalam persidangan setengah tahun ahli-ahli perempuan UMNO di Melaka pada 3 April 1953 – Gambar Qalam.

penduduk negeri ini belum bersatu. Perbuatan Datuk Onn itu akan mengutamakan helah British itu supaya Melayu tiada mencapai kemerdekaan. Datuk Onn juga telah membidas orang-orang yang menuntut kemerdekaan itu di dalam Majlis Mesyuarat Undangan baharu-baharu ini. Parti Kemerdekaan Melayu yang dipimpinnya itu hanya topeng jua dan manakala dengan bertopengkan parti itu ia telah kecewa. Adakah boleh dipercayai bahawa suatu percubaan baharu dengan berlindung dibalik menteri-menteri besar itu bukan buatannya? Akan diingat Datuk Onn sendiri telah mencuba memasukkan faham di dalam suatu perjumpaan iaitu menteri-menteri besar itu ialah pemimpin-pemimpin politik – mereka itu *political leaders* katanya. Belum pernah dikeluarkan perkataan yang seperti itu pada masa dahulu.



Tenang dan aman rupanya di sebuah telaga di atas Bukit Situ Aksan sebelah atas Bandung yang mengalir airnya mengairi sawah-sawah padi yang indah di Jawa itu. Tetapi adakah di dalam ketenangan itu tenang pula keadaan di dalamnya? – Inilah yang menjadi soal yang besar di dalam Jawa Barat – orang tua-tua mengatakan jangan sangka air tenang tiada berbuaya. – Gambar Airposts.

* * *

Corak Penjajahan

Malaya sedang menuju jalan kebebasan dan jalan kebersihan dari penjajahan. Tetapi perbuatan datuk-datuk dan menteri-menteri besar itu yang bukan sahaja nampaknya menyekat-nyekat jalan tetapi juga memperdayakan rakyat itu, adalah menggalakkan penjajahan. Tidak ada pemimpin politik yang sebenarnya di dalam dunia ini yang jika rakyat negerinya berkehendakkan kemerdekaan negerinya yang segera mereka melengah-lengahkan melainkan pemimpin-pemimpin politik itulah yang sentiasa bergerak dan mendesak lebih daripada rakyat sendiri. Hanya yang sukakan penjajahan jua yang tahu melakukan demikian.

Samada pemimpin politik atau tidak, bagaimanapun orang-orang yang sengaja menghalang pergerakan rakyat yang hak dan halal dan yang berjuang dengan cara perlembagaan itu, ialah perkakas penjajahan. Masanya telah tiba bahawa Malaya tidak akan bercorak penjajahan lagi.

Manager Qalam

Yang Mulia Tuan al-Syed Husayn Bin ‘Alī al-Saqaf, yang dahulunya terkenal sebagai penguasa dan pengelola Syarikat Warta Malaya Paris Limited, syarikat yang menerbitkan akhbar Harian Warta Melaya, majalah-majalah mingguan, warta Ahad dan warta jenaka, sekarang telah bermurah hati memberi khidmatnya kepada penerbitan Qalam dengan jawatan sebagai pengelola (*manager*). Mudah mudahan dengn adanya khidmat ini penerbitan Qalam akan dapat meluaskan lagi khidmat-khidmatnya pada masa yang akan datang .